



---

## **KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PPP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**6 APRIL 2023 (KHAMIS)**



---

---

# **KERATAN AKHBAR (KPDN)**

---

---

**6 APRIL 2023 (KHAMIS)**

# Kaji mekanisme harga dua peringkat minyak masak

Penetapan harga berlainan untuk pasaran domestik, eksport

**Kuala Lumpur:** Kerajaan sedang mengkaji untuk melaksanakan mekanisme *two tier pricing* atau harga dua peringkat untuk menanggulangi harga minyak masak di pasaran bagi kegunaan domestik.

Mekanisme berkenaan akan menyaksikan penetapan harga berlainan minyak masak, masing-masing untuk pasaran domestik dan eksport.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Senator Fuziah Salleh, berkata kementerian ketika ini dalam proses rundingan dengan mengadakan libat urus bersama pemain industri berkenaan.

Katanya, proses libat urus itu sebelum cadangan berkenaan dibawa ke peringkat Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Negara (NACCOL).

"Kegunaan (minyak masak) domestik ini hanya enam peratus sahaja daripada pengeluaran minyak masak kita, selebihnya di-



Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup dalam proses rundingan dengan mengadakan libat urus bersama pemain industri minyak masak. (Foto Ihsan)

eksport. Oleh itu, kita sudah pun membawa satu kertas yang belum diluluskan lagi untuk mengadakan 'two tier pricing'.

"Maksudnya, untuk harga domestik lain dan harga eksport lain. Kita tidak boleh guna harga eksport untuk kita jual harga domestik," katanya ketika mengulang Rang Undang-Undang

Perbekalan 2023 bagi kementerian itu di Dewan Negara, di sini semalam.

**Jualan Rahmah RM54 juta**  
Beliau berkata demikian bagi menjawab cadangan Senator Datuk Dr Ahmad Azam Hamzah supaya kerajaan mengadakan perbincangan dengan pembekal

minyak masak berkaitan harga barang komoditi itu yang kini ditentukan berdasarkan harga pasaran eksport.

Mengenai inisiatif Jualan Rahmah setakat 30 Mac lalu, Fuziah berkata, inisiatif berkenaan merekodkan jualan kasar sebanyak RM54 juta membabitkan 3,223 lokasi di 118 Parlimen.

## 'Harga dua peringkat' minyak masak pasaran domestik

KUALA LUMPUR - Kerajaan sedang mengkaji untuk melaksanakan mekanisme *two tier pricing* (harga dua peringkat) untuk mengawal harga minyak masak di pasaran bagi kegunaan domestik.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Senator Fuziah Salleh berkata, kementerian ketika ini dalam proses rundingan dengan mengadakan libat urus bersama pemain industri sebelum cадangan itu dibawa ke peringkat Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Negara (NACCOL).

"Kegunaan (minyak masak) domestik ini hanya enam peratus daripada pengeluaran minyak masak kita, sebahinya dieksport. Oleh itu, kita sudah pun membawa satu kertas yang belum diluluskan lagi untuk mengadakan *two tier pricing*.

"Maksudnya untuk harga domestik lain dan harga eksport lain. Kita tidak boleh guna harga eksport untuk kita jual harga domestik," katanya ketika menggulung Rang Undang-Undang Perbekalan 2023 bagi kementerian itu di Dewan Negara.

Beliau berkata demikian bagi menjawab celahan Senator Datuk Dr Ahmad Azam Hamzah yang mencadangkan kerajaan mengadakan perbincangan dengan pembekal minyak masak berkaitan harga barang komoditi itu yang kini ditentukan berdasarkan harga pasaran eksport.

Sementara itu, mengulas mengenai inisiatif Jualan Rahmah setakat 30 Mac lalu, katanya inisiatif berkenaan telah merekodkan jualan kasar sebanyak RM54 juta membabitkan 3,223 lokasi di 118 Parlimen. - Bernama



FUZIAH

## Two-tier pricing for cooking oil being studied

**KUALA LUMPUR:** The government is studying a proposal to implement a two-tier pricing mechanism to control the market price of cooking oil for domestic consumption, says Senator Fuziah Salleh.

The Deputy Domestic Trade and Cost of Living Minister said the ministry was in the process of negotiations with industry players before submitting a proposal to the National Action Council on Cost of Living.

"Only 6% of our cooking oil production is for domestic consumption while the rest is for export. So, we already have a paper on the proposed two-tier pricing that has not been approved yet.

"This means there will be one pricing for domestic use and another for export," she said when winding up the debate on the Supply Bill 2023 for the ministry in Dewan Negara yesterday, *Bernama* reported.

Fuziah said this when Senator Datuk Dr Ahmad Azam Hamzah proposed that the government hold discussions with cooking oil suppliers regarding the commodity's price.

On the Jualan Rahmah initiative, she said as of March 30, it has recorded gross sales of RM54mil involving 3,223 locations in 118 parliamentary constituencies.

Serbuan KPDN hasil risikan selama 2 minggu

# Sorok diesel dalam tangki bawah tanah

**IPOH** — Helah licik sindiket penyeludupan diesel bersubsidi yang berselindung di sebalik kawasan kolam ikan, terbongkar dengan penemuan dua tangki simpanan minyak bawah tanah semalam.

Serbuan pukul 11 malam di Kampung Kepayang, Simpang Pulai di sini yang dijadikan sebagai pusat pengumpulan minyak diesel itu dijalankan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kosara Hidup Perak.

Pengarah KPDN Perak, Datuk Kamalludin Ismail berkata, serbuan dilakukan selepas risikan dijalankan selama dua minggu ke atas aktiviti pembelian minyak

diesel di stesen minyak sekitar Simpang Pulai menggunakan lori.

Katanya, lori yang digunakan oleh sindiket berkenaan telah diubah suai dengan meletakkan tangki lain selain tangki asal.

"Hasil pemeriksaan ada sebanyak 32,000 liter cecair disyaki diesel bernilai RM76,160 ditemui di dalam dua tangki bawah tanah dan tangki tambahan di premis tersebut.

"Bagi mengaburi mata pihak berkuasa, mereka meletakkan pelbagai barang di atas tangki bawah tanah untuk mengekalkan daripada dikesan," katanya dalam sidang akhbar semalam.

Menurut beliau, dalam ser-

buhan sama pihaknya merampas lima unit pam penyedut minyak dan dua buah lori yang digunakan untuk membeli dan mengekalkan bahan bakar berkenaan dengan nilai rampasan keseluruhan berjumlah RM321,170.

Katanya, dua lelaki tempatan berusia 49 dan 47 tahun disyaki pemilik premis ditahan untuk siasatan lanjut.

"Premis yang beroperasi sejak tiga bulan lalu itu tidak mempunyai sebarang lesen atau permit menyimpan barang kawalan daripada KPDN.

"Minyak yang diseleweng ini akan dijual kepada syarikat industri di Pulau Pinang," jelasnya.



KAMALLUDIN (kanan) menunjukkan tangki bawah tanah yang digunakan untuk menyimpan diesel bersubsidi dalam serbuan di sebuah kolam ikan di Kampung Kepayang, Simpang Pulai semalam.

## Smugglers abandon 5,500 litres of petrol

**KOTA KINABALU:** An attempt to smuggle out 5,500 litres of petrol from Sabah's east-coast Semporna district was foiled when the marine police found more than 200 jerrycans filled with the fuel.

During an operation code-named "Ops Taring Gelora" at Tanjung Manimpa, Bum-Bum Island, on Tuesday, law enforcers found the 220 containers on eight unmanned speedboats.

The police suspect that the items were to be transported to a neighbouring country under the cloak of darkness.

According to a source, marine police were patrolling the area at 3am when they spotted the boats out at sea but without anyone on board.

"The police waited for an hour for someone to come to get them but no one did," the source said,

adding that the fuel, boats as well as the outboard engines were worth over RM150,000.

Region 4 Marine Police commanding officer Asst Comm Ahmad Ariffin confirmed the seizure when contacted yesterday.

He said the seized items had been taken to the Semporna marine police jetty for further probe under the Control of Supplies Act 1961.

## Sorok diesel dalam dua tangki bawah tanah

**Ipol:** Satu sindiket penyelewengan diesel bersubsidi menyimpan stok bahan api terbabit di dalam dua tangki bawah tanah di sebuah premis kolam ikan di Kampung Kepayang, Simpang Pulai di sini, sebelum ia dijual kepada pihak industri.

Pada masa sama, sindiket turut mengarahkan pemandu mereka mengisi bahan api itu secara berulang kali di stesen minyak dengan menggunakan lori yang sudah diubah suai.

Hasil risikan serta maklumat awam, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menyerbu dan merampas 32,000 liter diesel bersubsidi bernilai RM76,160 dalam tangki bawah tanah serta tangki tambahan lori di premis itu kelmarin.

Pengarah Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara

Hidup Perak Datuk Kamaludin Ismail berkata, dua lelaki warga tempatan berusia 47 serta 49 tahun yang juga pemandu lori serta pemilik premis, ditahan pada Ops Tiris itu.

"Kami turut menemukan lima pam penyedut minyak serta dua lori yang digunakan bagi membeli dan mengedar diesel membabitkan nilai rampasan keseluruhan RM321,170.

"Kami menerukan dua tangki bawah tanah yang digunakan untuk menyimpan bahan api terbabit malah sindiket turut meletakkan pelbagai barang di atasnya," katanya kepada media di lokasi serbuan di sini, semalam.

Menurutnya, diesel itu akan dihantar kepada beberapa industri di Pulau Pinang dengan enam kali penghantaran.

## 32,000 liter diesel disorok dalam tangki bawah tanah

**IPOH** - Penemuan dua tangki bawah tanah membongkar kegiatan penyelewengan minyak diesel bersubsidi di sebuah premis berhampiran kolam ikan di Kampung Kepayang, Simpang Pulai pada Selasa.

Serbuan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) Perak menerusi Op Tiris sekitar jam 11 malam itu menemui 32,000 liter cecair minyak diesel bersubsidi bernilai RM76,160 tersimpan dalam tangki tersebut.

Pengarah KPDN negeri, Datuk Kamalludin Ismail berkata, turut ditemui lima unit pam penyedut minyak serta dua lori yang digunakan bagi tujuan membeli dan pengedaran minyak.

"Mereka cuba mengaburi penguat kuasa dengan meletakkan pelbagai barang menutupi tangki buatan tersebut, namun kita berjaya menjumpainya.

"Modus operandi sindiket ini adalah dengan membeli minyak diesel di stesen minyak secara berulang kali di sekitar Simpang Pulai menggunakan lori yang diubah suai.

"Bekalan minyak itu kemudiannya dikumpulkan dalam tangki bawah tanah sebelum disalurkan dalam lori tangki untuk dijual kepada pihak industri," katanya dalam sidang akhbar di sini pada Rabu.

Beliau berkata, dalam serbuan itu, dua lelaki warga tempatan berusia 47 dan 49 tahun dipercayai pemilik premis dan pemandu telah ditahan untuk siasatan lanjut.

Katanya, siasatan awal mendapati, sindiket yang beroperasi sejak tiga bulan lalu itu menjual bekalan bahan api kepada syarikat-syarikat industri di Pulau Pinang dan mampu meraih keuntungan sehingga RM45,000 sebulan.



Kamalludin (kanan) menunjukkan satu daripada dua tangki buatan bawah tanah yang ditemui ketika serbuan sebuah premis di Kampung Kepayang, Simpang Pulai pada Selasa.

## Minyak masak subsidi: Anak Hamzah Zainuddin mengaku tidak bersalah

Oleh **BADRUL HAFIZAN MAT ISA**  
badrulisa@mediamulia.com.my

**SEREMBAN:** Anak kepada seorang bekas menteri dan rakan-nya mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Seremban, semalam atas sembilan pertuduhan berkaitan penyelew-

ngan minyak masak bersubsidi pada tahun lalu.

Muhammad Faisal Hamzah, 39, dan Azizul Abdul Halim, 55, yang pada ketika itu adalah pengarah syarikat Rimba Merpati Sdn. Bhd. membuat pengakuan berkenaan sebaik sahaja pertuduhan dibacakan terhadap

mereka di hadapan Hakim, Mazni Nawi.

Mengikut pertuduhan, kedua-dua mereka didapati memberi maklumat palsu semasa mengemukakan maklumat berhubung dokumen/invois penjualan minyak masak kepada dua kedai runcit di sini.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di bawah Seksyen 8(4)(b) Akta Kawalan Bekalan 1961 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 22(1) Akta sama yang dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

disifatkan telah melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 8(4)(b) Akta Kawalan Bekalan 1961 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 22(1) Akta sama yang dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

**Bersambung di muka 2**

## Minyak masak subsidi: Anak Hamzah Zainuddin mengaku tidak bersalah

### Dari muka 1

Jika sabit kesalahan boleh didenda maksimum RM1 juta atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Bagi kesalahan kali kedua dan seterusnya, didenda maksimum RM3 juta atau penjara maksimum lima tahun atau kedua-duanya.

Sementara itu, Syarikat Rimba Merpati Sdn. Bhd. iaitu pemegang lesen borong barang kawalan berjadual iaitu minyak masak di mana kedua-duanya merupakan pengarah syarikat berkenaan juga tidak mempunyai barang kawalan berjadual tersebut melebihi had 50 metrik tan.

Mengikut Peraturan 9(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 ia merupakan kesalahan di bawah Peraturan 21(1) Peraturan-Peraturan sama dan boleh dihukum di bawah Seksyen 22 (2) Akta Kawalan Bekalan 1961.

Kesalahan dilakukan di premis syarikat berkenaan yang terletak di Kawasan Industri Sinar Andalas, Se-nawang pada kira-kira pukul 11.15 malam pada 11 Ogos tahun lalu.

Syarikat berkenaan juga didapati memberikan maklumat palsu semasa mengemukakan maklumat berhubung dokumen/invois penjualan minyak masak kepada dua kedai dan kesalahan turut dilakukan pada 12 Ogos tahun lalu di Pejabat KPDN di Seremban 2 di sini.

Pendakwaan dikendalikan



**MUHAMMAD Faisal Hamzah tiba di Mahkamah Sesyen Seremban semalam bagi didakwa atas sembilan pertuduhan berkaitan penyelewengan minyak masak bersubsidi pada tahun lalu.**

- UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN

Timbalan Pendakwa Raya dari KPDN iaitu Mohd. Sophian Zakaria dan Syazwani Zawawi manakala kedua-dua tertuduh diwakili peguam, Qurratu 'Aini Zafirah Mat Shoib.

Mohd. Sophian dalam hujahannya memohon mahkamah mengenakan jaminan yang tinggi kepada kedua-duanya mengambil kira kes melibatkan kepentingan awam iaitu minyak masak yang merupakan barang kawalan di negara ini.

"Semua maklum kerajaan pada hari ini amat memberi penekanan kepada makanan

seperti minyak masak yang menjadi krisis dalam negara kita.

"Kes ini juga melibatkan syarikat dan ada kemungkinan dalam keadaan biasa syarikat dibubar jadi saya mohon satu jaminan yang tinggi untuk mengikat orang kena saman supaya hadir ke mahkamah," katanya.

Mazni kemudiannya membentarkan jaminan keseluruhan sebanyak RM40,000 kepada kedua-dua tertuduh dan menetapkan 7 Jun ini sebagai tarikh sebutan semula bagi serahan dokumen.

# Anak Hamzah Zainudin didakwa palsu dokumen minyak masak

Oleh Faris Fuad → Nasional 7



# Didakwa kemuka dokumen palsu

**Anak Hamzah bersama seorang lagi dihadapkan di mahkamah atas 9 pertuduhan**

Oleh Ahmad Hasbi  
bhnews@bh.com.my

**Seremban:** Anak kepada bekas menteri, Datuk Seri Hamzah Zainudin dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Seremban, semalam atas sembilan pertuduhan mengemukakan dokumen palsu dan memiliki barang kawalan minyak masak melebihi had dibenarkan, tahun lalu.

Muhammad Faisal Hamzah, 39, didakwa bersama Azizul Abdul Halim, 55, keduanya pengarah Rimba Merpati Sdn Bhd, iaitu pemegang lesen minyak masak berong.

Kedua-duanya bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Mazni Nawi.

Mereka didakwa memberikan maklumat palsu dengan meneluarkan invoice palsu mengenai penjualan minyak itu kepada syarikat peruncit tempatan, Pasar Segar Din Maju yang menyalahi Seksyen 8(4) Akta Kawalan Bekalan 1961.

Berikutnya itu, mereka didakwa di bawah Seksyen 8 (4) (b) Akta Kawalan Bekalan 1961 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 22 (2) akta sama.

Tertuduh selaku pemegang lesen borong juga didapati melanggar Peraturan 9 (1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974, iaitu memiliki barang kawalan berjadual jenis minyak masak melebihi had 50 tan metrik.

Kesalahan itu dilakukan pada jam 11.15 malam di Premis Perniagaan Rimba Merpati Sdn Bhd di Kawasan Industri Sinar Andalus, Senawang, di sini pada 11 Ogos 2022.

Berikutnya itu, tertuduh didakwa melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 22 (1) Akta Kawalan Bekalan 1961 dibaca bersama seksyen 22 (4) akta yang sama dan dibaca bersama Seksyen 34 Kanan Keseksaaan.

Sabit kesalahan boleh didenda maksimum RM1 juta atau penjara tidak melebih tiga tahun atau kedua-duanya dan bagi kesalahan kali kedua dan seterusnya, denda maksimum RM3 juta atau penjara maksimum lima tahun atau kedua-duanya.

#### Kes berkepentingan awam

Timbalan Pendakwa Raya KPDN, Mohd Sophian Zakaria tidak menawarkan jaminan, namun jika mahkamah mahu memberikan jaminan, dia memohon menetapkan satu nilai jaminan tinggi dengan mengambil kira

jumlah pertuduhan.

Mohd Sophian berkata, kes itu membabitkan barang kawalan minyak masak yang mana ia kes berkepentingan awam.

"Seperti semua maklum, kerajaan amat memberi penerangan terhadap makaran seperti minyak masak yang menjadi krisis di negara kita," katanya.

Peguam Qurrau Aini Zafirah Mat Shohib yang mewakili kedua-dua tertuduh, merayu mahkamah tidak terpengaruh dengan jumlah pertuduhan terhadap tertuduh yang belum lagi dibuktikan ber salah di mahkamah.

Katanya, wang jaminan tidak boleh bersifat berlebihan kerana boleh menyebabkan berlakunya ketidakadilan serta tidak mengikuti prinsip undang-undang.

"Tertuduh juga telah beri ker-

jasama sepenuhnya kepada pegawai penyiasat semasa siasatan dijalankan dan ini juga merupakan kali pertama tertuduh diadikwa di mahkamah.

"Tiada risiko untuk Muhammad Faisal melarikan diri kerana dia menetap di Ampang, Selangor bersama isteri yang sedang sarat mengandung serta tiga anak, manakala Azizul pula tidak lagi bekerja dan mempunyai 10 anak yang empat daripadanya masih bersekolah," katanya.

Mahkamah kemudian menetapkan jaminan RM40,000 bagi setiap tertuduh dan sebutan semula kes pada 7 Jun ini.

Hamzah pernah berkhidmat sebagai Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) ketika pentadbiran Barisan Nasional (BN) antara Julai 2015 hingga Mei 2018.

Ketika di bawah pentadbiran Perikatan Nasional (PN), Hamzah memegang jawatan Menteri Dalam Negeri.



Muhammad Faisal

Kemuka dokumen palsu, miliki minyak masak melebihi had dibenarkan

## Anak Hamzah Zainuddin didakwa

Oleh NOR SHAFAWATI YUP

**SEREMBAN** – Anak bekas Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainuddin didakwa di Mahkamah Sesyen di sini semalam, atas sembilan pertuduhan mengemukakan dokumen palsu dan memiliki barang kawalan minyak masak melebihi had dibenarkan, tahun lalu.

Tertuduh Muhammad Faisal Hamzah, 39, yang ketika kejadian merupakan pengarah syarikat Rimba Merpati Sdn. Bhd. bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Mazni Nawi.

Seorang lagi tertuduh, Azizul Abdul Halim, 55, yang juga pengarah syarikat sama ketika kejadian turut berdepan tuduhan sama.

Mengikut pertuduhan, kedua-dua tertuduh yang merupakan pemegang lesen borong barang kawalan berjedual iaitu minyak masak telah memberikan maklumat palsu dalam dokumen atau invoice penjualan minyak masak kepada Pasar Segar Din Maju dan



**MUHAMMAD FAISAL** (kanan) mengaku tidak bersalah terhadap sembilan pertuduhan mengemukakan dokumen palsu dan memiliki minyak masak melebihi had dibenarkan di Mahkamah Sesyen Seremban semalam.

Warisan Hasil Alam.

Kesalahan itu dilakukan di pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kosara Hidup (KPDN) Seremban 2 pada 12 Ogos 2022 dan didakwa di bawah Seksyen 8 (4) (b) Akta Kawalan Bekalan 1961.

Kedua-dua tertuduh juga berdepan pertuduhan lain iaitu mereka selaku pemegang lesen borong juga telah didapati melanggar Peraturan 9 (1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 iaitu memiliki barang kawalan berjedual jenis minyak masak melebihi had 50.00 MT.

Kesalahan itu dilakukan pada pukul 11.15 malam di Premis Perniagaan Rimba Merpati Sdn. Bhd. di Kawasan Industri Sinar Andalas, Senawang di sini pada 11 Ogos 2022.

Berikutnya itu, tertuduh didakwa melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 22 (1) Akta Kawalan Bekalan 1961 dibaca bersama Seksyen 22 (4) akta yang sama dan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.



## Anak Hamzah Zainudin dituduh kemuka dokumen palsu kepada KPDN

**SEREMBAN** - Anak kepada bekas menteri, Datuk Seri Hamzah Zainudin dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, di sini pada Rabu atas sembilan pertuduhan mengemukakan dokumen palsu kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan memiliki barang kawalan minyak masak melebihi had dibenarkan pada tahun lalu.

Tertuduh, Muhammad Faisal Hamzah, 39, yang ketika kejadian merupakan pengarah syarikat Rimba Merpati Sdn Bhd bagaimanapun mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim Mazni Nawi selepas kertas pertuduhan dibacakan jurnal bahasa.

Turut berdepan tuduhan sama ialah Azizul Abdul Halim, 55, yang juga pengarah syarikat sama ketika kejadian.

Mengikut pertuduhan,

kedua-dua tertuduh sebagai pengarah syarikat Rimba Merpati yang merupakan pemegang lesen borong barang kawalan berjadual iaitu minyak masak telah memberikan maklumat palsu kepada KPDN.

Kesalahan itu dilakukan pada 12 Ogos 2022, lebih kurang jam 5 petang di pejabat KPDN, Seremban 2.

Berikutnya itu mereka diaduwa di bawah Seksyen 8(4)(b) Akta Kawalan Bekalan 1961 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 22(2) akta sama.

Selain itu, tertuduh selaku pemegang lesen borong juga telah didapati melanggar Peraturan 9(1)



**MUHAMMAD FAISAL**

Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 iaitu memiliki barang kawalan berjadual jenis minyak masak melebihi had.

Kesalahan itu dilakukan pada 11 Ogos 2022, jam 11.15 malam di premis perniagaan Rimba Merpati di Kawasan Industri Sinar Andalas, Senawang

di Seremban.

Berikutnya itu tertuduh diaduwa melakukan kesalahan di bawah Seksyen 22(1) Akta Kawalan Bekalan 1961 dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Mahkamah menetapkan jaminan bagi setiap tertuduh RM40,000 dan sebutan semula kes untuk serahan dokumen pada 7 Jun ini.

## Anak bekas menteri kena dakwa

**Seremban:** Dua pengarah syarikat termasuk anak kepada Datuk Seri Hamzah Zainuddin dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Seremban, semalam atas sembilan pertuduhan mengemukakan dokumen palsu dan memiliki barang kawalan minyak masak melebihi had dibenarkan, tahun lalu.

Tertuduh Muhammad Faisal Hamzah, 39, dan Azizul Abdul Halim, 55, bagaimanapun mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim Mazni Nawi selepas kertas pertuduhan dibacakan juruhaksa mahkamah.

Mengikut pertuduhan, kedua-dua tertuduh sebagai pengarah syarikat Rimba Merpati Sdn Bhd sebagai pemegang lesen borong barang kawalan berjedual iaitu

minyak masak telah memberikan maklumat palsu kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kosara Hidup (KPDKSH) semasa mengemukakan maklumat dalam borong arahan mengemukakan dokumen atau maklumat yang berada dalam simpanan berkaitan barang kawalan mengikut Seksyen 8, Akta Kawalan Bekalan 1961 berhubung Dokumen / Invoice Penjualan Minyak Masak kepada Pasar Segar Din Maju.

Kesalahan itu dilakukan jam 5 petang di pejabat KPDKSH, Seremban 2, 12 Ogos 2022.

Tertuduh juga selaku pemegang lesen borong juga didapati melanggar Peraturan 9 (1), Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974

iaitu memiliki barang kawalan berjedual jenis minyak masak melebihi had 50.00 MT.

Kesalahan itu dilakukan jam 11.15 malam di Premis Perniagaan Rimba Merpati Sdn Bhd di Kawasan Industri Sinar Andalas, Senawang, di sini, pada 11 Ogos 2022.

Timbalan Pendakwa Raya KPDKSH, Mohd Sophian Zakaria tidak menawarkan jaminan, namun jika mahkamah mahu memberikan jaminan, dia memohon menetapkan satu nilai jaminan tinggi dengan mengambil kira jumlah pertuduhan.

Mohd Sophian berkata,

kes itu membabitkan barang kawalan minyak masak yang mana ia adalah kes berkepentingan awam.

Peguam Qurratu 'Aini Za-

firah Mat Shobib yang mewakili kedua-dua tertuduh merayu mahkamah tidak terpengaruh dengan jumlah pertuduhan terhadap tertuduh yang belum lagi dibuktikan bersalah di mahkamah.

Katanya, wang jaminan tidak boleh bersifat berlebihan kerana boleh menyebabkan berlakunya ketidakadilan serta tidak mengikut prinsip undang-undang.

Tertuduh juga berkerjasama sepenuhnya kepada pegawai penyiasat ketika siasatan dijalankan dan ini juga adalah kali pertama tertuduh didakwa di mahkamah.

Tiada risiko untuk Muhammad Faisal malarikan diri kerana dia menetap di Ampang Selangor bersama



MUHAMMAD Faisal (kanan) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Seremban.

isteri yang sarat mengandung serta tiga anak manakala Azizul pula tidak lagi bekerja dan mempunyai 10 anak yang empat daripadanya masih bersekolah.

Tambahnya, kedudukan ekonomi kedua-dua tertuduh juga perlu diambil kira.

Mahkamah menetapkan jaminan bagi setiap tertuduh RM40,000 dan sebutan semula kes untuk serahan dokumen 7 Jun ini.

**COOKING OIL**

## Hamzah's son charged with submitting false documents

**SEREMBAN:** Two company directors, including the son of Bersatu secretary-general Datuk Seri Hamzah Zainuddin, were charged at the Sessions Court here with nine counts of submitting false documents and possessing cooking oil, which is a controlled item, over the allowed limit.

Muhammad Faisal Hamzah, 39, and Azizul Abdul Halim, 55, pleaded not guilty before judge Mazni Nawi after the charges were read by the court interpreter.

Faisal and Azizul, as directors of Rimba Merpati Sdn Bhd, which is a wholesale licence holder for a controlled item namely cooking oil, were accused of providing false information to the Domestic Trade and Cost of Living Ministry when submitting a document regarding the cooking oil in storage as provided under Section 8 of the Control of Supplies Act 1961.

They were alleged to have committed the offence about 5pm at



*Former home minister Datuk Seri Hamzah Zainuddin's son Muhammad Faisal (right) is charged with submitting false documents and possessing cooking oil over the allowed limit.*  
PIC BY AZRUL EDHAM

the ministry's office in Seremban 2 on Aug 12, 2022. They were charged under Section 8(4) of the Control of Supplies Act 1961 which is punishable under Section 22(2) of the same Act.

They were also charged with violating Regulation 9 (1) of the Control of Supplies Regulations 1974 for possessing a controlled item, namely cooking oil, over the 50 metric tonnes limit.

They were alleged to have committed the offence at 11.15pm at Rimba Merpati premises in Senawang on Aug 11, 2022.

They were charged with committing an offence that is punishable under Section 22(1) of the Control of Supplies Act 1961, read together with Section 22 (4) of the same Act and Section 34 of the Penal Code.

Deputy public prosecutor Mohd Sophian Zakaria did not offer bail but said that if the court were to grant bail, the amount should reflect the number of charges.

He added that the case involved cooking oil, making it a public interest case.

Counsel Qurratu 'Aini Zafirah Mat Shoib, who represented both accused, urged the court not to be swayed by the number of charges as they have not been found guilty.

She said the bail should not be excessive as it could lead to injustice and against the principle of law.

"The accused have given full cooperation to the investigating officers and this is the first time that they have been charged in court."

"There is no risk of Faisal running away as he lives in Ampang with his pregnant wife and three children. Azizul is unemployed and has 10 children, including four who are still in school."

The court set bail at RM40,000 each and fixed June 7 for case mention and submission of documents.

# Hamzah's son charged in cooking oil scandal

Another ex-director claims trial to same nine charges

By SARBAN SINGH  
sarbands@thestar.com.my

**SEREMBAN:** Two former directors of a company, including the son of a former minister, claimed trial at the Sessions Court here to nine charges related to the sale and storage of government-subsidised cooking oil, which is a controlled item.

Muhammad Faisal Hamzah, 39 – the son of current Opposition Leader Datuk Seri Hamzah Zainudin – and Azizul Abdul Halim, 55, pleaded not guilty when the charges were read to them before judge Mazni Nawi.

The duo, as then directors of Rimba Merpati Sdn Bhd, a licensed wholesaler of subsidised cooking oil, were first individually charged with violating rule 9(1) of the Control of Supplies Regulations 1974 for having more than the allowed 50 metric tonnes of the commodity in their business premises.

As directors, they had committed an offence punishable under

Section 22(1) of the Control of Supplies Act 1961, read together with Section 22(4) of the same legislation, and Section 34 of the Penal Code.

Offenders can be fined up to RM1mil and jailed for not more than three years or both upon conviction.

They allegedly committed the offence at their premises in the Sinar Andalas industrial area in Senawang at around 11.15pm on Aug 11 last year.

Rimba Merpati, as a company, was also charged with the same offence, and the duo, who represented it, again pleaded not guilty.

The offence carries a fine of up to RM2mil upon conviction.

Both Muhammad Faisal and Azizul were also charged with providing false information, documents and invoices with regard to the volume of subsidised cooking oil they had in possession and the sale of the commodity.

They were charged under Section 8(4)(b) of the Act and punishable under Section 22(1) of the



**Present:** Muhammad Faisal arriving at the Sessions Court in Seremban.

same legislation, read together with Section 34 of the Penal Code.

Offenders can be fined up to RM1mil and jailed for up to three years or both upon conviction.

The company was also charged with the same offence.

Again, as representatives of the company, the two accused claimed trial to all charges.

The offences were allegedly committed at about 5pm on Aug

12, 2022, at the state Domestic Trade and Cost of Living Ministry office in Seremban 2.

Muhammad Faisal's father, Hamzah, had served as the domestic trade, cooperatives and consumerism minister under the Najib Razak administration, before being made home minister during the previous Perikatan Nasional government headed by Ismail Sabri.

# Hamzah's son charged in cooking oil scandal

## Another ex-director claims trial to same nine charges

By SARBAN SINGH  
sarbans@thestar.com.my

SEREMBAN: Two former directors of a company, including the son of a former minister, claimed trial at the Sessions Court here to nine charges related to the sale and storage of government-subsidised cooking oil, which is a controlled item.

Muhammad Faisal Hamzah, 39 – the son of current Opposition Leader Datuk Seri Hamzah Zainudin – and Azizul Abdul Halim, 55, pleaded not guilty when the charges were read to them before judge Mazni Nawi.

The duo, as then directors of Rimba Merpati Sdn Bhd, a licensed wholesaler of subsidised cooking oil, were first individually charged with violating rule 9(1) of the Control of Supplies Regulations 1974 for having more than the allowed 50 metric tonnes of the commodity in their business premises.

As directors, they had committed an offence punishable under

Section 22(1) of the Control of Supplies Act 1961, read together with Section 22(4) of the same legislation, and Section 34 of the Penal Code.

Offenders can be fined up to RM1mil and jailed for not more than three years or both upon conviction.

They allegedly committed the offence at their premises in the Sinar Andalas industrial area in Senawang at around 11.15pm on Aug 11 last year.

Rimba Merpati, as a company, was also charged with the same offence, and the duo, who represented it, again pleaded not guilty.

The offence carries a fine of up to RM2mil upon conviction.

Both Muhammad Faisal and Azizul were also charged with providing false information, documents and invoices with regard to the volume of subsidised cooking oil they had in possession and the sale of the commodity.

They were charged under Section 8(4)(b) of the Act and punishable under Section 22(1) of the



Present: Muhammad Faisal arriving at the Sessions Court in Seremban.

same legislation, read together with Section 34 of the Penal Code.

Offenders can be fined up to RM1mil and jailed for up to three years or both upon conviction.

The company was also charged with the same offence.

Again, as representatives of the company, the two accused claimed trial to all charges.

The offences were allegedly committed at about 5pm on Aug

12, 2022, at the state Domestic Trade and Cost of Living Ministry office in Seremban 2.

Muhammad Faisal's father, Hamzah, had served as the domestic trade, cooperatives and consumerism minister under the Najib Razak administration, before being made home minister during the previous Perikatan Nasional government headed by Ismail Sabri.



---

## **MEDIA ONLINE (KPDN)**

---

**6 APRIL 2023 (KHAMIS)**

BERITA ONLINE BERTARIKH 6 APRIL 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
6-Apr	Menu Rahmah stalls a big hit	<a href="https://www.dailyexpress.com.my/news/210646/menu-rahmah-stalls-a-big-hit/">https://www.dailyexpress.com.my/news/210646/menu-rahmah-stalls-a-big-hit/</a>	DAILYEXPRESS
6-Apr	Sarawak KPDN director: Sufficient food supply ahead of Aidilfitri celebration	<a href="https://dayakdaily.com/sarawak-kpdn-director-sufficient-food-supply-ahead-of-aidilfitri-celebration/">https://dayakdaily.com/sarawak-kpdn-director-sufficient-food-supply-ahead-of-aidilfitri-celebration/</a>	DAYAKDAILY
6-Apr	Speed Mart offering 30pc off for 35 items	<a href="https://www.dailyexpress.com.my/news/210649/speed-mart-offering-30pc-off-for-35-items/">https://www.dailyexpress.com.my/news/210649/speed-mart-offering-30pc-off-for-35-items/</a>	DAILYEXPRESS
6-Apr	Kerajaan cadang laksana 'harga dua peringkat', kawal harga minyak masak	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-cadang-laksana-harga-dua-peringkat-kawal-harga-minyak-masak-414142%3famp=1">https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-cadang-laksana-harga-dua-peringkat-kawal-harga-minyak-masak-414142%3famp=1</a>	ASTROAWANI
6-Apr	30 Barangai Kawalan Sempena Aidilfitri, Bakal Diumum 13 April Ini – KPDN	<a href="https://rnggt.com/202329156/">https://rnggt.com/202329156/</a>	RNGGT
6-Apr	KPDN Akan Umum Senarai 30 Barangai Kawalan Sempena Aidilfitri 13 April Ini	<a href="https://sabahnews.com.my/kpdn-akan-umum-senarai-30-barangan-kawalan-sempena-aidilfitri-13-april-ini/">https://sabahnews.com.my/kpdn-akan-umum-senarai-30-barangan-kawalan-sempena-aidilfitri-13-april-ini/</a>	SABAHNEWS
6-Apr	Sindiket seleweng diesel subsidi simpan stok diesel dalam tangki bawah tanah	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/04/953534/sindiket-seleweng-diesel-subsidi-simpan-stok-diesel-dalam-tangki-bawah-tanah">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/04/953534/sindiket-seleweng-diesel-subsidi-simpan-stok-diesel-dalam-tangki-bawah-tanah</a>	HM
6-Apr	Sorok 32,000 liter diesel dalam tangki bawah tanah	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/253057">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/253057</a>	SH
6-Apr	Kaut untung RM45,000 sebulan seleweng diesel	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/04/05/kaut-untung-rm45000-sebulan-seleweng-diesel/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/04/05/kaut-untung-rm45000-sebulan-seleweng-diesel/</a>	FMT
6-Apr	Sindiket guna lori berdaftar seludup minyak diesel bersubsidi tumpas	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/04/05/sindiket-guna-lori-berdaftar-seludup-minyak-diesel-bersubsidi-tumpas/">https://malaysiagazette.com/2023/04/05/sindiket-guna-lori-berdaftar-seludup-minyak-diesel-bersubsidi-tumpas/</a>	MALAYSIAGAZETTE

6-Apr	Sesi Walkabout Bazar Ramadan Rahmah (BRR) Negeri Selangor Dan Majlis Iftar Bersama Komuniti Selangor	<a href="https://siakapkeli.my/2023/04/05/sesi-walkabout-bazar-ramadan-rahmah-brr-negeri-selangor-dan-majlis-iftar-bersama-komuniti-selangor/">https://siakapkeli.my/2023/04/05/sesi-walkabout-bazar-ramadan-rahmah-brr-negeri-selangor-dan-majlis-iftar-bersama-komuniti-selangor/</a>	SIAKAPKELI
6-Apr	Two, including former minister's son, charged with offences related to subsidised cooking oil	<a href="https://themalaysianreserve.com/2023/04/05/two-including-former-ministers-son-charged-with-offences-related-to-subsidised-cooking-oil/">https://themalaysianreserve.com/2023/04/05/two-including-former-ministers-son-charged-with-offences-related-to-subsidised-cooking-oil/</a>	THEMALAYSIANRESERVE
6-Apr	Subsidi minyak masak: Anak Hamzah Zainudin diheret ke mahkamah	<a href="https://m.malaysiakini.com/news/661178">https://m.malaysiakini.com/news/661178</a>	MALAYSIAKINI
6-Apr	Anak Hamzah Zainudin didakwa beri maklumat palsu	<a href="https://www.thesundaily.my/cerita/berita/anak-hamzah-zainudin-didakwa-beri-maklumat-palsu-EK10835540">https://www.thesundaily.my/cerita/berita/anak-hamzah-zainudin-didakwa-beri-maklumat-palsu-EK10835540</a>	THESUNDAILY
6-Apr	Two, including former minister's son charged with offences link to subsidised cooking oil	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinardaily.my/ampArticle/193385">https://www.google.com/amp/s/www.sinardaily.my/ampArticle/193385</a>	SINARDAILY
6-Apr	Anak Hamzah Zainuddin berdepan 9 pertuduhan kemuka dokumen palsu, memiliki minyak masak lebih had	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/anak-hamzah-zainuddin-berdepan-9-pertuduhan-kemuka-dokumen-palsu-memiliki-minyak-masak-lebih-had/">https://www.buletintv3.my/nasional/anak-hamzah-zainuddin-berdepan-9-pertuduhan-kemuka-dokumen-palsu-memiliki-minyak-masak-lebih-had/</a>	BULETINTV3
6-Apr	Dua termasuk anak bekas menteri didakwa kemuka dokumen palsu	<a href="https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/jenayah/60984-dua-termasuk-anak-bekas-menteri-didakwa-kemuka-dokumen-pals">https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/jenayah/60984-dua-termasuk-anak-bekas-menteri-didakwa-kemuka-dokumen-pals</a>	BERITARTM
6-Apr	Anak Hamzah antara dituduh di mahkamah	<a href="https://suaramerdeka.com.my/anak-hamzah-antara-dituduh-di-mahkamah/">https://suaramerdeka.com.my/anak-hamzah-antara-dituduh-di-mahkamah/</a>	SUARAMERDEKA
6-Apr	Anak Hamzah Zainuddin didakwa kemuka dokumen palsu, memiliki minyak masak lebih had	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2023/04/1086364/anak-hamzah-zainuddin-didakwa-kemuka-dokumen-palsu-memiliki-minyak-masak">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2023/04/1086364/anak-hamzah-zainuddin-didakwa-kemuka-dokumen-palsu-memiliki-minyak-masak</a>	BH